



## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

#### BILANGAN PENGANGGUR PADA OGOS 2022 TERUS BERKURANG KEPADA 612.0 RIBU ORANG DENGAN KADAR PENGANGGURAN KEKAL PADA 3.7 PERATUS

1. Bilangan penganggur pada Ogos 2022 terus berkurang kepada 612.0 ribu orang berbanding dengan 620.7 ribu orang pada Julai 2022 manakala kadar pengangguran kekal pada 3.7 peratus berdasarkan siaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Ogos 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini.
2. Kedudukan pasaran buruh pada bulan Ogos 2022 kekal stabil berikutan prestasi ekonomi yang semakin baik dan memberangsangkan. Aktiviti perniagaan serta sosial terus beroperasi seperti biasa telah membolehkan ekonomi pulih semula dengan lebih kukuh dan keperluan tenaga buruh semakin meningkat.
3. Bilangan tenaga buruh pada Ogos 2022 semakin kukuh dengan peningkatan sebanyak 30.5 ribu orang atau bersamaan dengan peningkatan 0.2 peratus kepada 16.63 juta orang (Julai 2022: 16.60 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh terus merekodkan peningkatan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 69.7 peratus pada bulan tersebut.
4. Bilangan penduduk bekerja pada bulan Ogos 2022 terus stabil dengan merekodkan peningkatan sebanyak 39.3 ribu orang atau 0.2 peratus

kepada 16.02 juta orang (Julai 2022: 15.98 juta orang). Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus bertambah, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan aktiviti Pentadbiran & khidmat sokongan. Trend yang sama juga dicatatkan dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan manakala guna tenaga dalam sektor Pertanian serta Perlombongan dan Pengkuarian berkurangan.

5. Kategori pekerja yang bergaji (*salaried workers*) meningkat sebanyak 22.1 ribu orang (+0.2 peratus) kepada 12.17 juta orang pada bulan Ogos 2022 (Julai 2022: 12.14 juta orang) atau mewakili 76.0 peratus daripada penduduk bekerja. Pada masa yang sama, penduduk bekerja sendiri (*self-employed*) juga meningkat sebanyak 17.2 ribu orang (+0.6 peratus) kepada 2.80 juta orang (Julai 2022: 2.79 juta orang).
6. Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif bagi memastikan kadar pengangguran kekal rendah termasuklah dengan meneruskan insentif penggajian kepada majikan dan memudah cara pencarian pekerjaan. Antara 1 Januari 2022 hingga 30 September 2022, seramai 58,550 orang telah mendapat manfaat di bawah Program JaminKerja – Insentif Penggajian. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga telah berjaya melakukan penempatan pekerjaan untuk 143,643 orang dalam tempoh yang sama.
7. Selaras dengan kedudukan ekonomi yang semakin baik dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat kepada 6.5 peratus - 7.0 peratus pada tahun ini serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Keluarga Malaysia, pasaran buruh dijangka bertambah baik dan kekal di tahap guna tenaga penuh. Kadar pengangguran dijangka terus berkurang secara beransur-ansur tahun ini.

**#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

**PUTRAJAYA**

**11 OKTOBER 2022**